

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : DEWAN RAKYAT
Tarikh : 31-03-2006
**Tajuk : UCAPAN MENYOKONG USUL PEMBENTANGAN RANCANGAN
MALAYSIA KE-SEMBILAN**

Tuan Yang Di-Pertua

1. Saya berdiri untuk menyokong penuh usul pembentangan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan oleh YAB Perdana Menteri sebentar tadi. Saya juga memberi pengakuan bahawa sebagai Timbalannya, saya akan terus memikul amanah untuk membantu YAB Perdana Menteri dalam memastikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan ini mencapai kejayaan sepenuhnya.

2. Bagi pihak rakan-rakan anggota Jemaah Menteri dan anggota pentadbiran kerajaan seluruhnya, kami membuat pernyataan menyambut rencana besar ini dengan penuh rasa tanggungjawab serta komitmen yang tinggi. Untuk itu, kami semua berazam untuk bekerja sebagai satu pasukan yang padu di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri bagi mencapai maksud yang murni ini.

3. Saya percaya ahli-ahli Yang Berhormat sama ada rakan di sebelah sini, mahupun taulan di seberang sana, akan sama-sama mendokong gagasan besar ini demi kepentingan rakyat dan negara.

4. Saya juga penuh yakin bahawa rakyat Malaysia akan turut sama menyambut seruan YAB Perdana Menteri, demi membina tamadun dan menjulang martabat bangsa. Dengan berpandukan Lima Teras Misi Nasional yang telah digariskan, YAB Perdana Menteri telah menyediakan satu tapak lonjakan fasa baru dalam meniti arus perubahan yang besar demi mengangkat martabat bangsa Malaysia. Kita bertekad menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun yang akan datang, sejajar dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Kita bersyukur kerana sehingga ke hari ini Malaysia telah dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan lestari. Ini hasil daripada kepimpinan negara yang berpandangan jauh dan rakyat yang gigih. Oleh yang demikian, kita perlu terus memastikan pertumbuhan ekonomi kekal hebat dan mantap. Barulah hasil pertumbuhan itu dapat diagihkan antara wilayah, antara kaum, di desa mahupun di kota. Jelaslah, pembangunan yang seimbang dan peningkatan kualiti hidup rakyat yang berterusan hanya dapat lahir apabila ekonomi kita terus berkembang pesat.

6. Jadinya, peruntukan pembangunan sebanyak RM200 bilion serta RM20 bilion pembiayaan melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI), adalah berupa pemangkin kepada perkembangan ekonomi bagi menjana pertumbuhan dengan pengagihan yang adil dan saksama. Suka saya jelaskan di sini bahawa di samping peruntukan kerajaan yang begitu besar, janakuasa ekonomi negara tetap ditunjangi pelaburan sektor swasta, baik dari dalam mahupun dana dari luar negara. Oleh itu, kerajaan menyeru agar peniaga dan pelabur tempatan dan luar negara mengambil tempat sebagai penggerak utama kepada usaha kita menambah nilai khazanah dan kekayaan negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Jelasnya, Rancangan Malaysia Ke-Sembilan ini bukan hanya memberi pertimbangan kepada ekonomi makro, bahkan nikmatnya bakal melimpah hingga kepada insan kerdil yang daif di setiap pelosok tanahair. Ini menjadi agenda penting kita dalam usaha membasmi separuh daripada kadar kemiskinan keseluruhan rakyat Malaysia. Lanjutan daripada itu sebenarnya, rancangan kita yang lebih hebat adalah untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2010 nanti.

8. Dalam hal inilah, kerajaan bertekad bahawa tiada seorang pun rakyat Malaysia yang akan ketinggalan dalam arus perdana pembangunan negara apabila selesai terlaksananya Rancangan Malaysia Ke-Sembilan kelak. Kita berazam agar kemunduran dan kemiskinan akan semakin hilang dari bumi tercinta ini, demi menjamin martabat setiap rakyat Malaysia.

9. Sesungguhnya gagasan besar yang diilhamkan YAB Perdana Menteri ini adalah untuk faedah semua kaum di Malaysia. Pertumbuhan ekonomi yang pesat, peluang pendidikan yang semakin meluas, dan peranan sektor swasta yang semakin ditekankan, tentunya akan terus dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum atau latarbelakang. Pada masa yang sama, Kerajaan tetap memberi jaminan bahawa Bumiputera yang masih ketinggalan akan terus diperkasa dan terus dibela. Ini akan dilaksanakan melalui pelbagai strategi bagi memperkukuhkan daya saing, merapatkan jurang pendapatan, dan meningkatkan kedudukan ekuiti serta kekayaan.

10. Kita juga harus menginsafi bahawa agenda besar ini cukup mencabar. Visi dan misi yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan hanya akan tercapai dengan pelaksanaan yang konsisten, tegas dan jitu, disertai pemantauan yang berkesan dan berterusan. Gagal atau berjayanya rancangan ini bergantung penuh kepada kemampuan dan kesungguhan seluruh jentera pelaksana, khususnya jentera Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

11. Lumrahnya, sesebuah negara yang maju diasaskan daripada modal insan yang terbina melalui sistem pendidikan yang berkualiti. Mereka inilah tunjang yang menjana sumber kekayaan baru negara dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, dan pertanian.

12. Justeru, untuk membuat satu lonjakan berganda, kita memerlukan transformasi budaya yang besar dan menyeluruh dalam bentuk penghijrahan minda. Hijrah minda ke arah mentaliti kelas pertama menuntut kepada 3 perkara.

13. Yang pertama, hijrah minda menuntut kepada ketangkasan kerja dalam melakukan sesuatu. Ini kerana dalam arus globalisasi yang serba mencabar, kita tidak boleh lagi menerima gaya bekerja yang lembab dan mandam. Sebaliknya, laksanakanlah sebarang tugasan dengan berkesan dan penuh efisien.

14. Yang kedua, hijrah minda menerapkan budaya ketepatan (precision culture) dalam melakukan sesuatu. Ini bermaksud setiap langkah kerja kita perlulah mencapai tahap piawaian yang tertinggi sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

15. Yang ketiga, hijrah minda mementingkan kepada keberhasilan dalam setiap usaha kita (results- and performance-oriented). Dalam kata lain, tiada gunanya kita bekerja dengan pantas dan jitu, seandainya matlamat yang dirancang tidak mencapai sasaran yang diinginkan.

16. Kendatipun begitu, ketangkasan, ketepatan, dan keberhasilan tidak mungkin sempurna jika tidak berpaksikan kepada nilai murni, etika dan integriti yang tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua,

17. YAB Perdana Menteri telah menggambarkan betapa kejayaan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan memerlukan komitmen dan tindakan bersama oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia. Penggembleran tenaga daripada sektor swasta, sektor awam serta masyarakat sivil adalah perlu bagi menjamin pelaksanaan yang berkesan dan menyeluruh.

Tuan Yang Di-Pertua,

18. Secara sedar ataupun tidak, di depan kita adalah satu medan pertempuran. Kita memerangi kemunduran; kita memerangi kejahilan; dan kita memerangi keruntuhan nilai. Sepertimana dalam medan pertempuran, sebentar tadi, panglima utama kita

YAB Perdana Menteri telah memberikan arahan. Semboyan telahpun dibunyikan. Ayuhlah, kita sebagai hulubalang bingkis bangun melaksanakannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

19. Rancangan Malaysia Ke-Sembilan ini adalah gagasan besar yang telah dihamparkan kepada kita umpama sebuah pemandangan yang indah. Tetapi ia bukannya satu fatamorgana. Ia akan menjadi realiti, berkat usaha, doa, dan tawakal kita semua.

20. Sesungguhnya Misi Nasional ini misi terpenting kita, misi bersama seluruh rakyat Malaysia. Misi Nasional, misi kita bersama. Kita merancang, Allah juga Merancang, dan sesungguhnya Allah jualah sebaik-baik Perancang. Oleh itu, marilah kita berdoa agar rencana besar kita ini diberkati oleh Allah s.w.t.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menyokong